



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI
KOD KURSUS	:	DSM2173
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2018
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas ini mengandungi **SATU (1)** bahagian sahaja.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Sila jawab **LIMA (5)** soalan sahaja dalam Buku Jawapan anda.

SOALAN 1

- a. Huraikan **lima (5)** peranan atau tujuan penilaian prestasi dilakukan oleh sesebuah organisasi.

(10 markah)

- b. Jelaskan **lima (5)** aspek yang dinilai dalam penilaian prestasi.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Terangkan secara ringkas kaedah berikut:

- i. Kaedah Ukuran Produktiviti
- ii. Kaedah Pengurusan Melalui Objektif (MBO)

(4 markah)

- b. Bincangkan **empat (4)** asas utama yang perlu diberi perhatian dalam menetapkan piawaian kerja.

(8 markah)

- c. Bincangkan **empat (4)** sumber dan tanggungjawab untuk menilai prestasi kerja pekerja.

(8 markah)

SOALAN 3

- a. Dalam menjalankan program penilaian prestasi, terdapat beberapa proses yang perlu dilalui oleh penilai. Jelaskan langkah-langkah dalam proses penilaian prestasi tersebut.

(10 markah)

- b. Bincangkan **lima (5)** antara masalah-masalah yang berlaku dalam melaksanakan penilaian prestasi.

(10 markah)

SOALAN 4

- a. Jelaskan **dua (2)** kepentingan temuduga penilaian prestasi dalam proses penilaian prestasi.

(4 markah)

- b. Kaedah sifat digunakan untuk mengukur tahap penonjolan sesuatu ciri-ciri tertentu oleh pekerja seperti tahap kebergantungan pekerja kepada orang lain dan kerajinan. Huraikan **tiga (3)** jenis penilaian prestasi mengikut kaedah ini.

(6 markah)

- c. Bincangkan **lima (5)** ciri-ciri pengurus yang berjaya dalam melaksanakan penilaian prestasi terhadap pekerja.

(10 markah)

SOALAN 5

- a. Huraikan **dua (2)** punca kegagalan dalam pelaksanaan penilaian prestasi.

(4 markah)

- b. Jelaskan **dua (2)** kebaikan dan **dua (2)** keburukan maklumbalas 360 darjah yang digunakan untuk menilai prestasi pekerja.

(8 markah)

- c. Untuk menjayakan temuduga penilaian prestasi yang efektif, penemuduga perlu mengikut beberapa garis panduan tertentu. Bincangkan **empat (4)** garis panduan tersebut.

(8 markah)

SOALAN 6

- a. Bincangkan secara ringkas **lima (5)** persiapan yang perlu dilakukan oleh penilai dalam menjalankan program penilaian prestasi.

(10 markah)

- b. Jelaskan **lima (5)** ciri-ciri temuduga penilaian prestasi yang berkesan.

(10 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

